AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Selangor kekal catat kes harian tertinggi

1,925 jangkitan baharu, dua kematian, 1,123 sembuh

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,925 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, termasuk 10 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Kes sembuh pula direkodkan sebanyak 1,123 dan 711 pesakit masih dirawat di Unit rawatan Rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 108,615.

Katanya, Selangor masih lagi melaporkan kes harian tertinggi dengan 747 kes baharu atau 38.8 peratus daripada jumlah kes semalam.

Dr Noor Hisham Abdullah

"Daripada jumlah itu, sebanyak 625 kes (83.7 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontrak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Kuala Lumpur sebanyak 360 kes (18.7 peratus) dan Pahang sebanyak 288 kes (15 peratus) membabitkan Kluster Tembok Mempaga dengan 282 kes (98 peratus) dicatatkan.

"Sebanyak 307 kes (15.9 peratus) dilaporkan pula berkaitan kluster lokap, depot tahanan imigresen dan penjara," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Dalam pada itu, katanya, dua kematian disebabkan oleh COVID-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di negara ini sebanyak 457 kes (0.42 peratus).

Beliau berkata, semua kes kematian itu membabitkan warganegara di mana kes ke-456 membabitkan lelaki berusia 65 tahun dan mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung dan strok, yang meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh.

"Kes kematian ke-457 membabitkan wanita berusia 68 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis dan buah pinggang kronik, meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu," katanya.

Enam individu dikompaun RM1,000 setiap seorang *atas kesalahan gagal mematuhi SOP, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dalam operasi bersepadu dijalankan Pejabat Kesihatan Tawau di Downtown Tawau, semalam.* (Foto Ihsan Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau.

Polis Kelantan mengadakan sekatan *di laluan keluar masuk Pondok Daril Naim selepas dua penghuni wanita di situ disahkan positif COVID-19, kelmarin.* (Foto BERNAMA)

9 kluster baharu dikenal pasti di enam negeri

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sembilan kluster baharu berkaitan COVID-19 yang dikenal pasti di Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Sabah, Melaka dan Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster pertama dikenali Kluster Seri Lanang yang dikesan menerusi saringan bersasar di sebuah kilang.

"Kluster tempat kerja ini membabitkan daerah Klang, Gombak, Kuala Selangor dan Petaling. Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 1,020 individu disaring dan 173 dikesan positif COVID-19.

"Kluster kedua adalah Kluster Jalan Chu di Lembah Pantai, Kuala Lumpur hasil saringan bersasar di sebuah syarikat membabitkan 44 individu dikesan positif daripada 70 disaring.

"Kluster ketiga ialah Kluster Tapak Bina Awan Puteh juga di Lembah Pantai. Sebanyak 29 kes bagi kluster ini dilaporkan positif melalui saringan bersasar di tapak binaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, kluster kelima ialah Kluster Jalan Satang membabitkan daerah Titiwangsa, Kepong, Hulu Langat, Klang, Petaling dan Gombak serta Bentong di Pahang.

Katanya, kes indeks bagi kluster itu (kes ke-92,888) adalah kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) yang dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Disember lalu dan sehingga semalam 30 individu dikesan positif.

"Kluster keenam pula adalah Kluster Tembok Mempaga di Bentong, Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-97,373) dilaporkan positif COVID-19 pada 22 Disember lalu melalui saringan tahanan.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 504 individu disaring, iaitu 284 kes dikesan positif dalam kluster ini," katanya.

Katanya, dua kluster dilaporkan di Sabah, iaitu Kluster Timbang Dayang membabitkan Kota Belud dengan 13 kes positif, manakala Kluster Teguli di Putatan membabitkan 12 kes positif.

Beliau berkata, kluster terakhir adalah Kluster Rambai membabitkan daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah di Melaka, Petaling di Selangor serta Rembau di Negeri Sembilan.

"Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-10,441) dilaporkan positif pada 27 Disember lalu melalui saringan individu bergejala. Sejumlah 102 individu disaring dan 16 daripadanya positif," katanya.